

No. Pendaftaran:
GP/ST/No.53/2024 (Pindaan 2025)



**GARIS PANDUAN TUNTUTAN
MELALUI MEKANISME PELARASAN TARIF
ELEKTRIK DI SEMENANJUNG MALAYSIA DAN
WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN
BAGI PEMEGANG LESEN AWAM PENGAGIHAN**

NO. PENDAFTARAN	TARIKH PINDAAN	NOTA
GP/ST/No.53/2024 (Pindaan 2025)	03 November 2025	Kemaskini Garis Panduan bagi menyesuaikan proses tuntutan, dokumen sokongan dan tatacara bayaran dengan pelaksanaan struktur tarif elektrik baharu di Semenanjung yang berkuat kuasa mulai 1 Julai 2025.

AKTA BEKALAN ELEKTRIK 1990 [AKTA 447]

GARIS PANDUAN

TUNTUTAN MELALUI MEKANISME PELARASAN TARIF ELEKTRIK DI SEMENANJUNG MALAYSIA DAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN BAGI PEMEGANG LESEN AWAM PENGAGIHAN

GP/ST/No.53/2024 (Pindaan 2025)

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 26 dan 50C Akta Bekalan Elektrik 1990 [*Akta 447*], Suruhanjaya mengeluarkan garis panduan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. Garis Panduan ini bolehlah dinamakan sebagai **Garis Panduan Tuntutan Melalui Mekanisme Pelarasan Tarif Elektrik di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan bagi Pemegang Lesen Awam Pengagihan.**
2. Garis Panduan ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh Garis Panduan ini didaftarkan.

Tujuan

3. Garis Panduan ini merupakan panduan kepada semua pemegang lesen awam pengagihan bagi maksud membuat tuntutan melalui mekanisme pelarasan tarif elektrik kepada Suruhanjaya Tenaga sebagaimana yang dinyatakan dalam Akta Bekalan Elektrik 1990 [*Akta 447*].

Tarikh: 03 November 2025



SITI SAFINAH BINTI SALLEH

Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Tenaga

ISI KANDUNGAN

1. OBJEKTIF	4
2. SKOP	4
3. TAFSIRAN.....	5
4. PELAKSANAAN TARIF YANG DILULUSKAN TERMASUK CAJ LAIN	8
5. KELAYAKAN TUNTUTAN MELALUI MEKANISME PELARASAN TARIF ELEKTRIK.....	8
6. DOKUMEN BAGI MAKSUD TUNTUTAN MELALUI MEKANISME PELARASAN TARIF ELEKTRIK	10
7. PROSES TUNTUTAN MELALUI MEKANISME PELARASAN TARIF ELEKTRIK	11
8. TANGGUNGJAWAB PEMEGANG LAP BERHUBUNG DENGAN TUNTUTAN MELALUI MEKANISME PELARASAN TARIF ELEKTRIK	13
9. BAYARAN TUNTUTAN MELALUI MEKANISME PELARASAN TARIF ELEKTRIK	15
10. KETIDAKPATUHAN KEPADA GARIS PANDUAN	19

SENARAI LAMPIRAN

1. Lampiran 1: Mekanisme *Imbalance Cost Pass - Through* (ICPT)
2. Lampiran 2: Struktur tarif elektrik baharu dan mekanisme Pelarasan Kos Bahan Api Secara Automatik (AFA) di Semenanjung Malaysia

1. OBJEKTIF

Objektif Garis Panduan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) untuk melaksanakan tarif yang telah diluluskan oleh Menteri;
- (b) untuk memperuntukkan syarat kelayakan pemegang lesen awam pengagihan bagi maksud tuntutan melalui mekanisme pelarasan tarif elektrik;
- (c) untuk mengadakan tatacara bagi tuntutan melalui mekanisme pelarasan tarif elektrik berkenaan proses yang perlu diikuti oleh pemegang lesen awam pengagihan semasa mengemukakan tuntutan tersebut kepada Suruhanjaya Tenaga; dan
- (d) untuk memperuntukkan cara pembayaran bagi tuntutan melalui mekanisme pelarasan tarif elektrik oleh Kerajaan atau Suruhanjaya Tenaga kepada pemegang lesen awam pengagihan.

2. SKOP

Garis Panduan ini hendaklah terpakai kepada semua pemegang lesen awam pengagihan di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan yang mempunyai lesen yang masih berkuat kuasa.

3. TAFSIRAN

- 3.1 Dalam Garis Panduan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, terma yang digunakan hendaklah mempunyai maksud yang berikut:

“Akta”	ertinya Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447],
“AFA”	ertinya <i>Automatic Fuel Adjustment</i> atau Mekanisme Pelarasan Kos Bahan Api Secara Automatik iaitu suatu mekanisme bagi menentukan dan melaras kos bahan api dengan lebih tepat berdasarkan unjuran harga bahan api pasaran semasa.
“GET”	ertinya suatu program inisiatif Kerajaan bagi menyediakan medium untuk pengguna membuat pilihan kepada tenaga elektrik hijau tarif yang dijana daripada fotovolta suria dan kuasa hidro kepada pengguna;
“IBR”	ertinya rangka kerja Kawal Selia Berasaskan Insentif (<i>Incentive Based Regulation</i>) yang dilaksanakan bagi mengawal selia tarif elektrik di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan;

“ICPT”	ertinya <i>Imbalance Cost Pass-Through</i> oleh pemegang lesen awam pengagihan kepada pengguna;
“ICT”	ertinya insentif cekap tenaga yang diberikan kepada pengguna yang menggunakan elektrik dengan berhemah dan cekap;
“KWIE”	ertinya Kumpulan Wang Industri Elektrik yang ditubuhkan di bawah seksyen 44C Akta;
“kWj”	ertinya kilo wat jam;
“LAP”	ertinya lesen awam pengagihan yang dikeluarkan di bawah seksyen 9 Akta;
”NEM”	ertinya pemeteran tenaga bersih yang merujuk kepada penjanaan elektrik melalui fotovolta suria;
“PPA”	ertinya Perjanjian Pembelian Tenaga (<i>Power Purchase Agreement</i>) iaitu suatu kontrak jangka panjang antara penjana tenaga dan pembeli elektrik untuk menetapkan harga, jumlah dan syarat penghantaran elektrik untuk tempoh tertentu;
“mekanisme pelarasan tarif elektrik”	ertinya satu mekanisme yang membolehkan tarif elektrik disemak oleh Suruhanjaya mengikut tempoh yang ditentukan oleh Kerajaan.

“Peraturan-Peraturan”	ertinya Peraturan-Peraturan Bekalan Pemegang Lesen 1990 [<i>P.U.(A)384/1990</i>] atau Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 [<i>P.U.(A)38/1994</i>] yang mana-mana berkenaan;
“tampungan”	ertinya subsidi yang diberikan oleh Kerajaan atau KWIE kepada pemegang LAP mengikut keputusan Kerajaan;
“TNB”	ertinya Tenaga Nasional Berhad yang merupakan pemegang lesen di bawah seksyen 9 Akta yang membekalkan dan mengagihkan bekalan elektrik di Semenanjung Malaysia;
“SESB”	ertinya Sabah Energy Services Berhad yang merupakan pemegang lesen di bawah seksyen 9 Akta yang membekalkan dan mengagihkan bekalan elektrik di Wilayah Persekutuan Labuan;
“SLA”	ertinya Perjanjian Tahap Perkhidmatan (<i>Service Level Agreement</i>) iaitu perjanjian yang menggariskan komitmen pembekal tenaga elektrik kepada pengguna mengenai tahap perkhidmatan yang akan diberikan;
“Suruhanjaya”	mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta dan;

- 3.2 Sekiranya terdapat percanggahan penggunaan terma atau peruntukan dalam Garis Panduan ini, Akta dan peraturan-peraturan yang dibuat dibawahnya hendaklah mengatasi Garis Panduan ini.

4. PELAKSANAAN TARIF YANG DILULUSKAN TERMASUK CAJ LAIN

4.1 Pemegang LAP yang membekal dan menjual elektrik kepada penggunaanya boleh mengenakan penggunaanya:

- (a) suatu tarif yang ditentukan oleh Suruhanjaya dengan kelulusan Menteri selaras dengan seksyen 26 Akta; dan
- (b) apa-apa caj lain yang telah diluluskan oleh Menteri selaras dengan seksyen 26 Akta.

4.2 Selaras dengan perubahan harga bahan api dan faktor-faktor lain yang mempengaruhi tarif elektrik, semakan berkala akan dilaksanakan bagi memastikan penetapan tarif elektrik adalah telus dan saksama.

5 KELAYAKAN TUNTUTAN MELALUI MEKANISME PELARASAN TARIF ELEKTRIK

5.1 Tuntutan melalui mekanisme pelarasan tarif elektrik boleh dibuat—

- (a) oleh pemegang LAP yang dilesenkan di bawah seksyen 9 Akta;
- (b) dalam tempoh sah lesen; dan
- (c) bagi pemegang LAP yang mempunyai pengguna dari kategori domestik atau bukan domestik atau berdasarkan apa-apa keputusan yang dibuat oleh Kerajaan, bagi suatu tempoh mekanisme pelarasan tarif elektrik yang berkuat kuasa.

5.2 Pemegang LAP merujuk kepada pemegang lesen awam pengagihan yang mendapat bekalan elektrik secara pukal daripada TNB (di Semenanjung Malaysia) atau SESB (di Wilayah Persekutuan Labuan) seperti yang berikut:

- (a) Large Power Consumer (LPC), TNB;
- (b) LPC Co-Generator (CoGEN) TNB;
- (c) LPC Net Energy Metering (NEM) TNB;
- (d) LPC with Green Energy Tariff (GET) TNB; dan
- (e) pemegang LAP di bawah syarikat utiliti (Pemegang LAP yang lain/induk).

5.3 Semasa mengemukakan tuntutan melalui mekanisme pelarasan tarif elektrik, pemegang LAP dikehendaki mematuhi kehendak yang berikut:

- (a) Akta dan perundangan subsidiari di bawahnya;
- (b) syarat dan terma di bawah lesen yang dikeluarkan kepada pemegang LAP;
- (c) apa-apa arahan atau keputusan Kerajaan atau Suruhanjaya, termasuk kadar tarif yang dikenakan kepada pengguna LAP;
- (d) memastikan fi lesen dan fi lesen tahunan dibayar kepada Suruhanjaya mengikut tempoh yang ditetapkan;
- (e) memastikan jaminan bank (*bank guarantee*) dikemukakan kepada Suruhanjaya mengikut tempoh yang ditetapkan;
- (f) memastikan apa-apa maklumat pemegang LAP dikemaskini di dalam sistem yang ditetapkan oleh Suruhanjaya seperti yang berikut tetapi tidak terhad kepada:
 - (i) alamat syarikat;
 - (ii) nombor telefon;
 - (iii) alamat emel; dan
 - (iv) pegawai untuk dihubungi; dan
- (g) memastikan salinan asal dokumen tuntutan melalui mekanisme pelarasan tarif elektrik dikemukakan kepada Suruhanjaya secara fizikal (*hardcopy*) dan *softcopy* (melalui emel) secara lengkap dan

tepat. Kegagalan memberikan dokumen lengkap, termasuk dokumen yang boleh disemak dan disahkan akan menyebabkan tuntutan tersebut tidak layak diproses untuk pembayaran.

- 5.4 Kegagalan pemegang LAP untuk mematuhi perkara di perenggan 5.3 boleh menyebabkan Kerajaan atau Suruhanjaya tidak mempertimbangkan tuntutan melalui mekanisme pelarasan tarif elektrik untuk diproses dan dibayar.

6. DOKUMEN BAGI MAKSUD TUNTUTAN MELALUI MEKANISME PELARASAN TARIF ELEKTRIK

- 6.1 Pemegang LAP hendaklah mengemukakan tuntutan melalui mekanisme pelarasan tarif elektrik bersama dokumen-dokumen sokongan yang berikut:

- (a) surat iringan tuntutan melalui mekanisme pelarasan tarif elektrik di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan;
- (b) nota debit atau invois tuntutan;
- (c) perincian tuntutan termasuklah yang mengandungi butiran seperti yang berikut:
 - (i) ringkasan tuntutan melalui mekanisme pelarasan tarif elektrik; dan
 - (ii) butiran tuntutan melalui mekanisme pelarasan tarif elektrik yang terdiri daripada pengguna bukan domestik dan/atau pengguna domestik. (pemegang LAP dikehendaki mengemukakan salinan dalam bentuk *softcopy* dalam format *Excel* melalui emel).
- (d) lima (5) sampel bil pengguna domestik dan/atau lima (5) sampel

pengguna bukan domestik (pemegang LAP dikehendaki menandakan/*highlight* pada nama sampel pengguna yang dikemukakan dalam "Butiran Tuntutan Melalui Mekanisme Pelarasan Tarif Elektrik Pengguna Bukan Domestik" atau "Butiran Tuntutan Melalui Mekanisme Pelarasan Tarif Elektrik Pengguna Domestik" dalam kedua-dua salinan dalam bentuk *hardcopy* dan *softcopy* format *Excel*).

- (e) salinan bil elektrik bulanan pemegang LAP yang diterima daripada pembekal elektrik (pemegang LAP dikehendaki memastikan maklumat bil elektrik bulanan yang diisi pada borang butiran tuntutan seperti di perenggan 6.1(c) diisi dengan tepat); dan
- (f) borangakuan penerimaan dan pematuhan oleh pemegang LAP (pemegang LAP dikehendaki memastikan kesahihan dan ketepatan maklumat yang diberikan. Maklumat tidak sah dan tepat adalah tertakluk kepada seksyen 8(d) Akta).

Borang tuntutan boleh dimuat turun di laman sesawang Suruhanjaya di [Borang Tuntutan](#).

7 PROSES TUNTUTAN

- 7.1 Pemegang LAP dikehendaki mengemukakan tuntutan melalui mekanisme pelarasan tarif elektrik yang lengkap dalam bentuk fizikal (*hardcopy*) dan *softcopy* (emel) secara **bulanan** kepada ST untuk tujuan semakan dan pengesahan seperti yang berikut:

Jenis dokumen	Salinan asal secara fizikal (<i>hardcopy</i>)	Salinan <i>softcopy</i> (fail Excel <i>sheet</i>)
Dialamatkan kepada	Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Tenaga No. 12, Jalan Tun Hussein, Presint 2 62100 PUTRAJAYA (u/p: Unit Kumpulan Wang Industri Elektrik)	Emel kepada ukwie@st.gov.my
Dokumen yang dikemukakan	Salinan asal secara fizikal (<i>hardcopy</i>) bagi dokumen-dokumen dalam perenggan 6.1(a), (b), (c), (d), (e), dan (f).	Salinan <i>softcopy</i> Excel <i>sheet</i> bagi dokumen dalam perenggan 6.1(c) di atas – "Perincian tuntutan pelarasan tarif elektrik".

7.2 Pemegang LAP hendaklah memastikan dokumen tuntutan melalui mekanisme pelarasan tarif elektrik seperti yang dinyatakan di perenggan 7.1 dikemukakan dengan **lengkap dan tepat dan diterima** oleh Suruhanjaya sebelum atau pada:

Tempoh tuntutan melalui mekanisme pelarasan tarif elektrik	1 Januari hingga 30 Jun	1 Julai hingga 31 Disember
Tarikh akhir terimaan tuntutan melalui mekanisme pelarasan tarif elektrik bagi tempoh mekanisme yang berkuat kuasa	31 Julai, pada tahun semasa	31 Januari, tahun berikutnya

Nota: perenggan ini perlu dirujuk bersama perenggan 7.4

- 7.3 Suruhanjaya tidak akan membuat semakan kepada tuntutan melalui mekanisme pelarasan tarif elektrik sekiranya dokumen yang dinyatakan dalam perenggan 6.1 tidak diterima oleh Suruhanjaya pada atau sebelum tarikh akhir pengemukakan tuntutan tersebut sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 7.2 di atas.
- 7.4 Pemegang LAP dikehendaki mengemukakan tuntutan melalui mekanisme pelarasan tarif elektrik secara bulanan (tuntutan bulan semasa dikemukakan pada bulan berikutnya) dan bukan secara terkumpul.
- 7.5 Suruhanjaya boleh memberi peluang kepada pemegang LAP untuk membuat apa-apa pembetulan sekiranya—
- (a) Suruhanjaya mendapati bahawa dokumen yang dikemukakan adalah tidak tepat atau tidak lengkap; dan
 - (b) pemegang LAP mengemukakan tuntutan melalui mekanisme pelarasan tarif elektrik sebelum tarikh akhir sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 7.2 di atas.

8. TANGGUNGJAWAB PEMEGANG LAP BERHUBUNG DENGAN TUNTUTAN MELALUI MEKANISME PELARASAN TARIF ELEKTRIK

- 8.1 Pemegang LAP bertanggungjawab untuk—
- (a) mengenakan kadar elektrik mengikut kadar yang diluluskan oleh Menteri termasuklah kategori tarif yang bersesuaian kepada pengguna;
 - (b) memperincikan butiran dalam bil bulanan elektrik pengguna seperti yang berikut:

- (i) jenis tarif pengguna;
 - (ii) tempoh pengebilan;
 - (iii) perincian blok penggunaan elektrik (kWj) berserta tarif;
 - (iv) perincian caj-caj yang dikenakan kepada pengguna; dan
 - (v) caj semasa;
- (c) memaklumkan jumlah subsidi bahan api yang ditanggung oleh Kerajaan kepada pengguna;
- (d) mengemukakan tuntutan tampungan melalui mekanisme pelarasan tarif elektrik kepada Kerajaan atau Suruhanjaya mengikut keputusan Kerajaan yang berkuat kuasa;
- (e) membuat bayaran bagi caj atau bil elektrik bulanan yang dikeluarkan oleh pembekal elektrik dalam masa 30 hari dari tarikh bil dikeluarkan, bagi mengelakkan apa-apa surcaj atau penalti dikenakan;
- (f) mengemukakan dokumen tuntutan melalui mekanisme pelarasan tarif elektrik yang lengkap dan tepat dari segi maklumat, kadar tarif dan pengiraan;
- (g) mengemukakan dokumen sokongan tambahan bagi tuntutan melalui mekanisme pelarasan tarif elektrik apabila diminta oleh Suruhanjaya;
- (h) memastikan tiada kesalahan, ketidakpatuhan atau kelalaian dalam tuntutan melalui mekanisme pelarasan tarif elektrik kepada Suruhanjaya;
- (i) memastikan tuntutan melalui mekanisme pelarasan tarif elektrik dibuat dalam tempoh masa yang ditetapkan di bawah Garis Panduan ini dan mengikut tempoh yang ditetapkan atau berkuat kuasa;

- (j) memastikan bahawa apa-apa isu dalaman di pihak LAP tidak mempengaruhi tuntutan melalui mekanisme pelarasan tarif elektrik; dan
- (k) memastikan apa-apa kehendak di bawah Garis Panduan ini dipatuhi dan dilaksanakan sewajarnya.

8.2 Pemegang LAP hendaklah bertanggungjawab untuk memaklumkan Suruhanjaya secara bertulis sekiranya—

- (a) terdapat perubahan dari segi pihak pengurusan atau maklumat pembayaran atau maklumat lain yang berkaitan tuntutan melalui mekanisme pelarasan tarif elektrik yang telah dikemukakan; dan
- (b) mengemukakan nota debit yang baru bagi menggantikan nota debit yang telah dikemukakan kepada Suruhanjaya dengan maklumat pembayaran yang terkini.

9. BAYARAN TUNTUTAN MELALUI MEKANISME PELARASAN TARIF ELEKTRIK

- 9.1 Peruntukan bagi tuntutan melalui mekanisme pelarasan tarif elektrik akan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan atau KWIE.
- 9.2 Peruntukan bagi tuntutan melalui mekanisme pelarasan tarif elektrik bagi suatu tempoh akan berakhir setelah tempoh tuntutan melalui mekanisme pelarasan tarif elektrik yang berkuat kuasa berakhir seperti yang dinyatakan di perenggan 7.2. Oleh itu, pemegang LAP hendaklah memastikan tuntutan dikemukakan kepada Kerajaan atau Suruhanjaya mengikut tempoh yang berkuat kuasa.

9.3 Kerajaan atau Suruhanjaya tidak akan membuat sebarang pembayaran balik (*reimbursement*) bagi mana-mana tuntutan melalui mekanisme pelarasan tarif elektrik yang dibuat oleh pemegang LAP selepas tempoh yang berkuat kuasa tamat.

9.4 Kerajaan telah menetapkan bahawa penyaluran tampungan melalui mekanisme pelarasan tarif elektrik adalah berdasarkan pembayaran balik (*reimbursement*) melalui tuntutan daripada pemegang LAP yang telah disemak dan disahkan oleh Suruhanjaya.

Walau bagaimanapun, sekiranya pemegang LAP tidak mengemukakan tuntutan melalui mekanisme pelarasan tarif elektrik dalam tempoh yang ditetapkan, tuntutan tersebut tidak akan diproses dan dibayar.

9.5 Pembayaran tuntutan melalui mekanisme pelarasan tarif elektrik yang telah disemak dan disahkan akan mengikut giliran dan tertakluk kepada prosedur serta garis masa yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan atau Suruhanjaya.

9.6 Tuntutan melalui mekanisme pelarasan tarif elektrik akan dibayar sekiranya—

- (a) pemegang LAP adalah pemegang lesen yang sah berlesen di bawah seksyen 9 Akta pada waktu tuntutan melalui mekanisme pelarasan tarif elektrik dibuat;
- (b) nama pemohon tuntutan melalui mekanisme pelarasan tarif elektrik hendaklah sama seperti nama pemegang LAP yang sah berlesen dengan Suruhanjaya;
- (c) salinan fizikal (*hardcopy*) dan *softcopy* diterima oleh Suruhanjaya daripada pemegang LAP sebelum atau pada tarikh akhir yang ditetapkan seperti di perenggan 7.2; dan


- (d) tuntutan melalui mekanisme pelarasan tarif elektrik yang dikemukakan adalah lengkap dan tepat.

9.7 Tuntutan tampungan melalui mekanisme pelarasan tarif elektrik oleh pemegang LAP yang diluluskan akan dibayar oleh Kerajaan atau Suruhanjaya dengan cara yang berikut:

- (a) sekiranya pemegang LAP mendapatkan bekalan elektrik secara pukal daripada pembekal utama elektrik seperti TN atau SESB¹, bayaran akan dikreditkan melalui bil elektrik pembekal pemegang LAP²; atau
- (b) sekiranya pemegang LAP mendapatkan bekalan elektrik secara pukal daripada pemegang LAP induk, bayaran akan dikreditkan melalui akaun bank³ yang diberikan oleh pemegang LAP di dalam invoice.

(Muka surat/ ruangan ini sengaja dibiarkan kosong)

9.8 Secara ringkas, proses tuntutan melalui mekanisme pelarasan tarif elektrik oleh pemegang LAP adalah seperti ilustrasi 1 berikut:



Ilustrasi 1: Proses tuntutan melalui mekanisme pelarasan tarif elektrik oleh pemegang LAP

¹ Sekiranya pemegang LAP mempunyai lebih daripada satu akaun bil elektrik dengan pembekal utama elektrik, pemegang LAP diminta memberikan satu (1) nombor akaun bil elektrik yang utama untuk tujuan pembayaran tuntutan dan dinyatakan di dalam nota debit atau invoice.

² Pemegang LAP dikehendaki menyatakan nombor bil elektrik daripada pembekal elektrik di dalam nota debit/invoice untuk tujuan bayaran dikreditkan.

³ Pemegang LAP dikehendaki menyertakan salinan penyata bank sebagai dokumen sokongan ke atas pembayaran melalui akaun bank.

(Muka surat/ ruangan ini sengaja dibiarkan kosong)

10. KETIDAKPATUHAN KEPADA GARIS PANDUAN

Mana-mana pemegang LAP yang tidak mematuhi Garis Panduan ini adalah tertakluk kepada seksyen 50E Akta seperti yang berikut:

“Kesalahan bagi ketidakpatuhan kod, garis panduan atau arahan Suruhanjaya 50E. Seseorang yang tidak mematuhi mana-mana kod, garis panduan atau arahan Suruhanjaya yang dikeluarkan di bawah Akta ini, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.”

(Muka surat/ ruangan ini sengaja dibiarkan kosong)

LAMPIRAN 1 : MEKANISME *IMBALANCE COST PASS - THROUGH* (ICPT)

1. PENGENALAN

- 1.1 Mekanisme ICPT diluluskan oleh Kerajaan dan dilaksanakan oleh Suruhanjaya sejak 1 Januari 2014 di bawah IBR. Pelarasan tarif elektrik melalui mekanisme ICPT bagi pengguna domestik dan bukan domestik Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan dilaksanakan melalui pengenaan surcaj atau pemberian rebat kepada pengguna bergantung kepada kos bahan api semasa.
- 1.2 Bagi maksud mekanisme ICPT, pengenaan ICPT adalah berdasarkan kelulusan Kerajaan bagi setiap enam (6) bulan bagi tempoh seperti yang berikut:
 - (a) 1 Januari hingga 30 Jun; dan
 - (b) 1 Julai hingga 31 Disember.

2. PEMAKAIAN ICPT

Pengenaan caj ICPT bagi pengguna di bawah pemegang lesen adalah seperti yang berikut:

- (a) Semenanjung Malaysia (1 Januari 2014 sehingga 30 Jun 2025); dan
- (b) Wilayah Persekutuan Labuan (1 Januari 2014 sehingga kini).

3. KOMPONEN ICPT

Caj ICPT iaitu caj dikenakan untuk setiap kWj tenaga elektrik yang digunakan oleh pengguna. Caj ICPT merupakan komponen boleh ubah yang terdapat dalam bil elektrik yang ditentukan berdasarkan penggunaan tenaga elektrik pada setiap bulan.

4. PENGIRAAN TUNTUTAN ICPT

4.1 Pelaksanaan ICPT di dalam bil elektrik pengguna adalah seperti berikut:

- (a) ICPT merupakan caj yang dikenakan untuk setiap kWj tenaga elektrik yang digunakan. Caj ICPT adalah komponen boleh ubah dalam bil elektrik, di mana kadar ICPT adalah berdasarkan kepada penggunaan tenaga elektrik pada setiap bulan.
- (b) caj ICPT dilepaskan secara terus dan pengiraannya adalah mengikut penggunaan bulanan tenaga elektrik dalam unit kWj didarabkan dengan kadar ICPT (sen/kWj). Caj ICPT ini kemudiannya akan ditambah atau ditolak daripada jumlah bil semasa pengguna.
- (c) secara ringkas, pengiraan ICPT terhadap bil elektrik adalah seperti berikut:

$$\text{Caj ICPT, ("A")} = \text{Penggunaan elektrik (kWj)} \times \text{Kadar ICPT (sen/kWj)}$$

Oleh itu, jumlah bil bulanan semasa, ("B") = Bil bulanan semasa – ("A")

4.2 Sekiranya bil elektrik pengguna adalah pada kadar minimum, contoh pengiraan adalah seperti berikut:

Pengiraan bagi minimum caj bil elektrik pengguna bukan domestik	
Formula	= (Tarif asas + caj ICPT) + KWTBB
Pengiraan	= (RM 7.20) + KWTBB
Contoh	= [(15 kWj x RM0.435)+(15kwj x RM 0.027)] + KWTBB = [RM 6.53 + RM 0.41] +KWTBB = RM 7.20 + KWTBB
	= RM 7.20 + RM 0.12 = RM 7.32

⁴ nilai "A" akan bergantung kepada keputusan pelarasan tarif elektrik semasa, sama ada dalam bentuk surcaj atau rebat. Sekiranya keputusan ICPT adalah berbentuk surcaj, caj tambahan akan dikenakan kepada bil bulanan semasa. Sebaliknya, sekiranya keputusan pelarasan tarif elektrik semasa adalah berbentuk rebat, bil bulanan semasa akan ditolak dengan amaun rebat yang diberikan oleh Kerajaan.

- 4.3 Walau bagaimanapun, kaedah pengiraan tuntutan adalah berbeza mengikut kategori pemegang LAP dan penggunaannya, berdasarkan kadar surcaj atau rebat yang diputuskan oleh Kerajaan bagi setiap tempoh pelaksanaan ICPT. Pengiraan ICPT bagi setiap kategori pemegang LAP adalah seperti berikut:

KATEGORI PEMEGANG LAP	PENGIRAAN TUNTUTAN TAMPUNGAN KOS ICPT		
(i) LPC / LPC (CoGEN) / LPC (NEM) TNB (ii) Pemegang LAP di bawah syarikat utiliti selain TNB (iii) Pemegang LAP SESB (iv) LPC <i>Green Electricity Tariff</i> (GET) TNB *	- Bagi ketiga-tiga kategori ini, pengiraan tuntutan kos ICPT dikira secara bulanan menggunakan formula berikut: <table border="1"> <tr> <td>Formula pengiraan</td><td>Penggunaan elektrik (kWj) x Kos ICPT (surcaj /rebat yang tidak dapat dilepaskan kepada pengguna)</td></tr> </table> - Jumlah keseluruhan penggunaan elektrik pengguna LAP akan dikira menggunakan formula di atas mengikut keputusan pelarasan ICPT bagi setiap kategori pengguna. - Program GET diperkenalkan kepada pengguna sebagai alternatif bekalan elektrik daripada sumber tenaga boleh baru dengan tarif yang dikenakan berdasarkan kuota penggunaan kWj yang telah dilanggan di dalam program tersebut. - Sebagai insentif, Kerajaan telah memberikan pengecualian ICPT secara bertempoh* berdasarkan kuota penggunaan kWj yang dilanggan. Walau bagaimanapun, pengecualian ICPT tersebut hanya terpakai ke atas pelanggan program GET sahaja (pemegang LAP sahaja).	Formula pengiraan	Penggunaan elektrik (kWj) x Kos ICPT (surcaj /rebat yang tidak dapat dilepaskan kepada pengguna)
Formula pengiraan	Penggunaan elektrik (kWj) x Kos ICPT (surcaj /rebat yang tidak dapat dilepaskan kepada pengguna)		

KATEGORI PEMEGANG LAP	PENGIRAAN TUNTUTAN TAMPUNGAN KOS ICPT		
	<i>*tempoh pengecualian adalah terpakai mengikut keputusan Kerajaan seperti yang tertakluk di dalam kontrak yang dilanggan oleh pemegang LAP.</i> - Memandangkan pengecualian ICPT hanya diberikan kepada pelanggan GET (pemegang LAP) sahaja, pemegang LAP masih boleh mengenakan surcay atau rebat kepada pengguna yang lain. - Oleh yang demikian, tuntutan kos ICPT hanya terhad kepada jumlah baki kWj yang dikenakan surcay ICPT sahaja. <table border="1" data-bbox="675 915 1430 1018"> <tr> <td data-bbox="675 915 1003 1018">Tuntutan kos ICPT GET =</td><td data-bbox="1003 915 1430 1018">Jumlah penggunaan kWj TNB – Jumlah GET yang dilanggan</td></tr> </table> - Jumlah tuntutan kos ICPT GET akan di-pro rata bagi setiap pengguna mengikut baki kWj penggunaan elektrik yang ditolak dengan kWj (langganan GET).	Tuntutan kos ICPT GET =	Jumlah penggunaan kWj TNB – Jumlah GET yang dilanggan
Tuntutan kos ICPT GET =	Jumlah penggunaan kWj TNB – Jumlah GET yang dilanggan		

- 4.4 Bagi tempoh pengebilan bulanan yang melangkau bulan (*spanning month*) dan tidak mempunyai meter pintar (*smart meter*), pengiraan penggunaan elektrik (kWj) akan dikira secara prorata bagi tempoh bil bulan tersebut dan pengiraan akan dikira dalam tempoh pelaksanaan ICPT sahaja.

Contoh:

Tempoh pengebilan bil elektrik bagi Syarikat A untuk bulan Julai 2024 adalah bermula pada 24.06.2024 – 23.07.2024 (31 hari), maka tuntutan layak diterima adalah 23 hari sahaja bagi bil bulan Julai 2024 iaitu bagi tempoh 01.07.2024 – 23.07.2024.

Bil Bulanan	Tarikh Pengebilan	Tempoh hari layak membuat tuntutan
Julai 2024	24.06.2024 – 23.07.2024	01.07.2024 – 23.07.2024 = 23 hari
Ogos 2024	24.07.2024 – 23.08.2024	24.07.2024 – 23.08.2024 = 31 hari
September 2024	24.08.2024 – 23.09.2024	24.08.2024 – 23.09.2024 = 28 hari
Oktober 2024	24.09.2024 – 23.10.2024	24.09.2024 – 23.10.2024 = 31 hari
November 2024	24.10.2024 – 23.11.2024	24.10.2024 – 23.11.2024 = 30 hari
Disember 2024	24.11.2024 – 23.12.2024	24.11.2024 – 23.12.2024 = 31 hari
Januari 2025	24.12.2024 – 23.01.2025	24.12.2024 – 31.12.2024 = 8 hari

- 4.5 Walau bagaimanapun, sekiranya pemegang LAP yang mengeluarkan bil bulanan penggunaanya berdasarkan ***spanning month***, dan mempunyai meter pintar (***smart meter***), pengiraan penggunaan elektrik (kWj) akan dikira berdasarkan penggunaan bagi tempoh bil bulan tersebut, mengikut penggunaan sebenar yang disukat oleh meter pintar (***smart meter***) dan pengiraan akan dikira dalam tempoh pelaksanaan ICPT sahaja.

4.6 Ilustrasi pengiraan tuntutan ICPT adalah seperti berikut:

Contoh:

Jadual tampungan ICPT oleh Kerajaan adalah seperti berikut:

KATEGORI PENGGUNA	TARIF	TAMPUNGAN KOS ICPT YANG BOLEH DITUNTUT DARIPADA KERAJAAN
(a) Domestik	A	(i) Pemberian rebat @ 2 sen/kWj bagi penggunaan elektrik 600 kWj dan ke bawah (≤ 600 kWj)
		(ii) Kos surcaj yang tidak dapat dilepaskan kepada pengguna @ 16 sen/kWj bagi penggunaan elektrik 1,500 kWj dan ke bawah ($\leq 1,500$ kWj)
		(iii) Sebahagian kos surcaj yang tidak dapat dilepaskan kepada pengguna @ 6 sen/kWj bagi penggunaan elektrik melebihi 1,500 kWj ($> 1,500$ kWj)
(b) Bukan Domestik		
i. Komersil	B	(iv) Sebahagian kos surcaj yang tidak dapat dilepaskan kepada pengguna @ 13.30 sen/kWj (16.00 sen/kWj – 2.70 sen/kWj)
ii. Perindustrian	D	
iii. Pertanian Spesifik	H, H1, H2	
iv. Operator air dan pembedungan		
v. Lampu jalan PBT	G, G1	(v) Sebahagian kos surcaj yang tidak dapat dilepaskan kepada pengguna @ 7.00 sen/kWj (16.00 sen/kWj – 9.00 sen/kWj)

- 4.7 Berdasarkan jadual tampungan ICPT oleh Kerajaan, contoh pengiraan tuntutan ICPT adalah seperti berikut:

Contoh 1: Pengguna domestik dengan tarif A	
Formula Pengiraan	(a) Penggunaan elektrik (kWj) x (RM0.02 (rebat yang diberikan kepada pengguna bagi penggunaan kurang daripada 600kWj)) (b) Penggunaan elektrik (kWj) x (RM0.16 (surcaj yang tidak dapat dilepaskan bagi penggunaan kurang daripada 1,500kWj)) (c) Penggunaan elektrik (kWj) x RM0.06 (surcaj yang tidak dapat dilepaskan bagi penggunaan melebihi 1,500kWj)
Contoh pengiraan	(a) = 1,000 kWj x RM0.16 = <u>RM160</u> (b) = 600 kWj x RM0.18 = <u>RM108</u> (c) = 1,501 kWj x RM0.06 = <u>RM90.06</u>

Contoh 2: Pengguna domestik dengan tarif A – <i>spanning month</i>	
Formula Pengiraan	(a) Penggunaan elektrik (kWj) x (RM0.02 (rebat yang diberikan kepada pengguna bagi penggunaan kurang daripada 600kWj)) (b) Penggunaan elektrik (kWj) x (RM0.16 (surcaj yang tidak dapat dilepaskan bagi penggunaan kurang daripada 1,500kWj)) (c) Penggunaan elektrik (kWj) x RM0.06 (surcaj yang tidak dapat dilepaskan bagi penggunaan melebihi 1,500kWj)

Contoh pengiraan	1) Tempoh pengebilan (24/6/24 – 23/7/24) = 2,500 kWj 2) Tempoh hari layak menuntut: (1/7/24-23/7/24) (a) = 1,000 kWj x RM0.16 = <u>RM160</u> (b) = 600 kWj x RM0.18 = <u>RM108</u> (c) = 1,501 kWj x RM0.06 = <u>RM90.06</u>
------------------	--

Contoh 3: Pengguna Bukan Domestik Semenanjung (Tarif B, D, H, H1 & H2)	
Formula Pengiraan	Penggunaan elektrik (kWj) x RM0.133 (surcaj yang tidak dapat dilepaskan) (RM0.16– RM0.027 (surcaj yang dilepaskan kepada pengguna))
Contoh	= 7,400 kWj x RM0.133 = <u>RM984.20</u>

(Muka surat/ ruangan ini sengaja dibiarkan kosong)

LAMPIRAN 2: STRUKTUR TARIF ELEKTRIK BAHARU DAN MEKANISME PELARASAN KOS BAHAN API SECARA AUTOMATIK (AFA) DI SEMENANJUNG MALAYSIA

1. PENGENALAN

- 1.1 Pelaksanaan struktur tarif elektrik baharu dan Mekanisme Pelarasan Kos Bahan Api Secara Automatik (AFA) di Semenanjung Malaysia telah diluluskan oleh Kerajaan dan dilaksanakan oleh Suruhanjaya bermula 1 Julai 2025 hingga 31 Disember 2027.
- 1.2 Bermula 1 Julai 2025, mekanisme AFA yang dilaksanakan akan menggantikan mekanisme ICPT dan pelaksanaan mekanisme AFA ini akan diselaraskan kepada pengguna pada setiap bulan.

2. PEMAKAIAN STRUKTUR TARIF ELEKTRIK BAHARU

Pengenaan struktur tarif elektrik baharu bagi pengguna di bawah pemegang lesen di Semenanjung Malaysia bermula 1 Julai 2025 sehingga 31 Disember 2027.

3. KOMPONEN STRUKTUR TARIF ELEKTRIK BAHARU

- 3.1 Kadar struktur tarif baharu merangkumi caj atau kos seperti berikut:

(a) Kos Penjanaan Elektrik yang merangkumi:

(i) Caj Tenaga iaitu kos bahan api yang digunakan untuk penjanaan elektrik;

(ii) Pelarasan Kos Bahan Api Secara Automatik (AFA) iaitu

mekanisme pelarasan kos bahan api secara automatik yang mencerminkan harga pasaran bahan api dan kadar tukaran wang asing;

- (iii) Caj Kapasiti iaitu bayaran kapasiti di bawah Perjanjian Pembelian Tenaga (PPA) dan Perjanjian Tahap Perkhidmatan (SLA);
- (iv) Caj Rangkaian iaitu kos operasi menyalurkan elektrik ke premis, termasuk penyelenggaraan dan naik taraf infrastruktur;
- (v) Caj Peruncitan iaitu kos perkhidmatan pelanggan, pengebilan dan pengurusan akaun; dan
- (vi) Insentif Cekap Tenaga (ICT) iaitu insentif yang diberikan kepada pengguna yang menggunakan elektrik dengan berhemah dan cekap.

4. PENGIRAAN TUNTUTAN BERKAITAN STRUKTUR TARIF ELEKTRIK BAHARU

4.1 Pelaksanaan struktur tarif elektrik baharu yang diberi tampungan atau pengecualian dalam bil elektrik pengguna adalah seperti yang berikut:

- (a) pengecualian caj AFA bagi penggunaan elektrik tidak melebihi 600kWj bagi pengguna domestik;
- (b) pengecualian caj Peruncitan bagi penggunaan elektrik 600kWj dan ke bawah bagi pengguna domestik;
- (c) tampungan ICT yang diberikan kepada—

- (i) pengguna domestik bagi penggunaan elektrik 1,000kWj dan ke bawah; dan
- (ii) pengguna bukan domestik kategori voltan rendah bagi penggunaan elektrik 200kWj dan ke bawah; dan
- (d) tampungan atau pengecualian yang dinyatakan adalah tertakluk kepada keputusan Kerajaan dari semasa ke semasa.

4.2 Bagi tempoh pengebilan bulanan yang melangkau bulan (*spanning month*) dan tidak mempunyai meter pintar (*smart meter*):

- (a) pengiraan penggunaan elektrik (kWj) akan dikira secara prorata bagi tempoh bil bulan tersebut bagi pengiraan tuntutan caj AFA sahaja;
- (b) pengiraan bagi tuntutan caj selain daripada caj AFA dibuat mengikut kitaran bil pengguna pemegang LAP; dan
- (c) prorata bagi caj AFA hanya perlu dibuat sehingga bulan Disember sahaja.

Contoh:

- (a) Tempoh pengebilan bil elektrik bagi Syarikat A untuk bulan Julai 2025 adalah bermula pada 24.06.2025 – 23.07.2025 (31 hari), maka tuntutan layak diterima adalah 23 hari sahaja bagi bil bulan Julai 2025 iaitu bagi tempoh 01.07.2025 – 23.07.2025.
- (b) Tempoh pengebilan bil elektrik bagi Syarikat B untuk bulan Julai 2025 adalah bermula pada 10.07.2025 – 09.08.2025 (31 hari), maka Syarikat B perlu membuat pengiraan penggunaan elektrik (kWj) secara prorata bagi tempoh 10.07.2025 – 31.07.2025 dan 01.08.2025 – 09.08.2025.

- (c) Tempoh pengebilan bil elektrik bagi Syarikat C untuk bulan Disember 2025 adalah bermula pada 24.12.2025 – 23.01.2026 (31 hari), maka Syarikat C perlu membuat pengiraan penggunaan elektrik (kWj) secara prorata bagi tempoh 24.12.2025 – 31.12.2025 sahaja.

Contoh	Bil Bulanan	Tarikh Pengebilan	Tempoh hari layak membuat Tuntutan (AFA)
Syarikat A	Julai 2025	24.06.2025 – 23.07.2025	01.07.2025 – 23.07.2025 = 23 hari
Syarikat B	Ogos 2025	24.07.2025 – 23.08.2025	24.07.2025 – 31.07.2025 = 8 hari 01.08.2025 – 23.08.2025 = 23 hari
Syarikat C	Disember 2025	24.12.2025 – 23.01.2026	24.12.2025 – 31.12.2025 = 8 hari

- 4.3 Sekiranya pemegang LAP yang mengeluarkan bil bulanan penggunaanya berdasarkan ***spanning month***, dan mempunyai meter pintar (***smart meter***), pengiraan penggunaan elektrik (kWj) akan dikira berdasarkan penggunaan bagi tempoh bil bulan tersebut, mengikut penggunaan sebenar yang disukat oleh meter pintar (***smart meter***).

(Muka surat/ ruangan ini sengaja dibiarkan kosong)

4.4 Ilustrasi pengiraan tuntutan adalah seperti berikut:

Contoh:

Jadual tampungan oleh Kerajaan adalah seperti berikut:

KATEGORI PENGGUNA	TAMPUNGAN YANG BOLEH DITUNTUT DARIPADA KERAJAAN
(a) Domestik	(i) Caj AFA yang dikecualikan bagi penggunaan di bawah 600kWj.
	(ii) Caj peruncitan yang diberikan kepada pengguna kurang daripada 600kWj.
	(iii) ICT yang diberikan kepada pengguna kurang daripada 1,000kWj.
(b) Bukan Domestik Voltan Rendah	(i) ICT yang diberikan kepada pengguna kurang daripada 200kWj.

4.5 Berdasarkan jadual tampungan oleh Kerajaan, contoh pengiraan tuntutan adalah seperti berikut:

Contoh 1: Pengguna domestik	
Formula Pengiraan	(a) Penggunaan elektrik (kWj) x (kos AFA yang diberikan kepada pengguna bagi penggunaan kurang daripada 600kWj)), (b) Jumlah pengguna x (RM10.00 caj peruncitan bagi penggunaan kurang daripada 600kWj) (c) Penggunaan elektrik (kWj) x (ICT bagi penggunaan kurang daripada 1,000kWj) (rujuk perenggan 3)

Contoh pengiraan	$(a) = 600 \text{ kWj} \times \text{RM}0.03$ $= \underline{\text{RM}18.00}$ $(b) = 100 \text{ pengguna} \times \text{RM}10.00$ $= \underline{\text{RM}1,000.00}$ $(c) = 600 \text{ kWj} \times \text{RM}0.09$ $= \underline{\text{RM}54.00}$
------------------	--

Contoh 2: Pengguna domestik – <i>spanning month</i>	
Formula Pengiraan	$(a) \text{ Penggunaan elektrik (kWj)} \times (\text{kos AFA yang diberikan kepada pengguna bagi penggunaan kurang daripada } 600\text{kWj}),$ $(b) \text{ Jumlah pengguna} \times (\text{RM}10.00 \text{ caj peruncitan bagi penggunaan kurang daripada } 600\text{kWj})$ $(c) \text{ Penggunaan elektrik (kWj)} \times (\text{ICT bagi penggunaan kurang daripada } 1,000\text{kWj})$ (rujuk perenggan 3)
Contoh pengiraan	i) Tempoh pengebilan (24/7/25 – 23/8/25) = 600 kWj ii) AFA Julai 2025 = RM0.03, AFA Ogos 2025 = RM0.02 iii) Tempoh hari layak menuntut: $(a) \underline{(24/7/25 - 31/7/25)}$ $= 155\text{kWj} \times \text{RM}0.03$ $= \underline{\text{RM}4.65}$ $\underline{(1/8/25 - 23/8/25)}$ $= 445\text{kWj} \times \text{RM}0.02$ $= \underline{\text{RM}8.90}$
	$(b) = 100 \text{ pengguna} \times \text{RM}10.00$ $= \underline{\text{RM}1,000.00}$

	$(c) = 600\text{kWj} \times \text{RM}0.09$ $= \underline{\text{RM}54.00}$
--	---

Contoh 3: Pengguna bukan domestik voltan rendah

Formula Pengiraan	Penggunaan elektrik (kWj) x (ICT bagi penggunaan kurang daripada 200kWj) (rujuk perenggan 3)
Contoh pengiraan	$200\text{kWj} \times \text{RM}0.11$ $= \text{RM}22.00$

(Muka surat/ ruangan ini sengaja dibiarkan kosong)

5. KADAR ICT

Bagi jumlah penggunaan (kWj) sebulan	Kadar (RM)
ICT bagi pengguna Tarif Domestik	
1 - 200	-0.250
201 - 250	-0.245
251 - 300	-0.225
301 - 350	-0.210
351 - 400	-0.170
401 - 450	-0.145
451 - 500	-0.120
501 - 550	-0.105
551 - 600	-0.090
601 - 650	-0.075
651 - 700	-0.055
701 - 750	-0.045
751 - 800	-0.040
801 - 850	-0.025
851 - 900	-0.010
901 - 1,000	-0.005
ICT bagi pengguna Tarif Bukan Domestik Voltan Rendah	
1 - 200	-0.110

Sila rujuk laman web TNB di <https://www.mytnb.com.my/tariff> bagi kadar ICT semasa